

Newspaper : Utusan Online

Date : 18th August 2015

Title : Bina Puri bina resort di Tasik Kenyir bernilai RM100 juta

Section : Online Page :

Bina Puri Holdings Bhd


(207184-X)

<http://www.utusan.com.my/bisnes/korporat/bina-puri-bina-resort-di-tasik-kenyir-bernilai-rm100-juta-1.125951>

Bina Puri bina resort di Tasik Kenyir bernilai RM100 juta

19 Ogos 2015 2:07 AM

0 0 Google +0



Lakaran artis projek pembinaan resort di Tasik Kenyir, Terengganu.

KUALA LUMPUR 18 Ogos – Bina Puri Sdn. Bhd., anak syarikat milik penuh Bina Puri Holdings Bhd. kini sedang dalam proses untuk melaksanakan pembinaan sebuah resort bernilai RM100 juta di Pulau Poh, Tasik Kenyir, Terengganu.

Pengarah Urusan Kumpulan Bina Puri Holdings, Matthew Tee berkata, projek pembangunan berkenaan adalah berikutan dengan penganugerahan kontrak daripada kerajaan Terengganu bagi melaksanakan projek yang merangkumi proses reka bentuk, pembinaan dan menyiapkan resort tersebut.

Menurut beliau, resort berkenaan akan dilengkapi dengan 150 bilik, dewan bankuet yang boleh memuatkan sehingga 300 tetamu, restoran, kawasan runcit dan kolam renang khusus untuk pengunjung resort dijangka akan mengambil masa selama tiga tahun untuk disiapkan.

Jelasnya, Pulau Poh dipilih disebabkan lokasinya yang begitu strategik kerana sering dikunjungi hampir 400,000 pelancong pada setiap tahun di samping tarikkannya yang terkini iaitu Taman Air Kenyir meliputi kawasan seluas 24 hektar dan dibuka pada penghujung Mei lalu.

“Selain itu, kerajaan negeri Terengganu menerusi agensinya, Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (Ketengah) berhasrat untuk mempromosikan Tasik Kenyir sebagai tarikan pelancongan utama di negara ini selain akan mengisytiharkannya sebagai tasik bebas cukai pertama di dunia pada akhir tahun ini.

“Malah, dengan peluang yang diberikan itu akan membuktikan kemampuan dan keupayaan Bina Puri sebagai syarikat hartanah yang mampu menjalankan pelbagai jenis pembinaan,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Tambah Tee, projek yang akan dijalankan itu merupakan projek pembinaan yang unik kerana pihak vendor telah membuat permintaan untuk pembinaan yang mesra alam serta kurang penyelenggaraan di samping reka bentuk dan hiasan dalaman yang mempamerkan ketenangan dan kedamaian.

“Dengan penganugerahan projek bernilai RM100 juta ini juga merupakan bukti dan komitmen Bina Puri untuk menyertai dan mengambil bahagian dalam projek-projek kerajaan terutamanya di Terengganu,” katanya.

Pada Mei lalu, Bina Puri turut mendapat kontrak bernilai RM128.5 juta bagi membangunkan pembinaan resort, Movenpick Spa Resort di Kuala Terengganu.

Kontrak berkenaan telah diberikan oleh Success Diar Sdn. Bhd. (Success Diar), yang terlibat dalam pembinaan, penyeliaan, pengujian, pentauliahan dan penyiapan lapan blok dua tingkat, tiga tingkat dan lima tingkat bangunan tinggi serta sembilan astaka, spa dan sebuah bangunan pelbagai guna dengan kemudahan yang terletak di tepi pantai seluas 10 hektar.

- See more at: <http://www.utusan.com.my/bisnes/korporat/bina-puri-bina-resort-di-tasik-kenyir-bernilai-rm100-juta-1.125951#sthash.z2B7cKaS.dpuf>